



**INTERNATIONAL JOURNAL OF
EDUCATION, PSYCHOLOGY
AND COUNSELLING
(IJEPC)**

www.ijepc.com



INDIKATOR PENGARUH SOSIAL DALAM PENGUASAAN BAHASA DAN KESALINGHUBUNGAN PRESTASI AKADEMIK PELAJAR ANTARABANGSA

*SOCIAL INFLUENCE INDICATORS IN LANGUAGE PROFICIENCY AND
INTER-LINKAGE OF ACADEMIC PERFORMANCE OF INTERNATIONAL
STUDENTS*

Herlina Jupiter^{1*}, Irma Wani Othman^{2*}, Muhammad Safuan Yusoff³, Nurulsyikin Muda⁴

¹ Penerbit UMS, Universiti Malaysia Sabah

Email: herina@ums.edu.my

² Pusat Penataran Ilmu Dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia

Email: irma@ums.edu.my

³ Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia

Email: safuan_y@yahoo.com

⁴ Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan

Email: syikin@ums.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 15.05.2021

Revised date: 24.06.2021

Accepted date: 20.07.2021

Published date: 31.07.2021

To cite this document:

Jupiter, H., Othman, I. W., Yusoff, M. S., & Muda, N. (2021). Indikator Pengaruh Sosial Dalam Penguasaan Bahasa Dan Kesalinghubungan Prestasi Akademik Pelajar Antarabangsa. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 6 (41), 126-136.

Abstrak:

Kajian ini meneroka indikator sosial yang memberi kesan terhadap pengalaman pembelajaran pelajar antarabangsa bagi penguasaan bahasa serta hubungannya dengan prestasi akademik di sesebuah institusi pengajian tinggi. Seramai 20 responden yang terdiri daripada pelajar antarabangsa dengan pelbagai kewarganegaraan telah ditemubual bagi mendapatkan data yang diperlukan. Kajian mendapati bahawa penguasaan bahasa menjadi penghalang utama penyesuaian akademik dan sosial pelajar antarabangsa dengan beberapa lagi indikator akademik seperti aktiviti dalam kelas, kaedah dan sistem penilaian serta rindu dan kesunyian telah mempengaruhi prestasi akademik mereka. Melalui metod kualitatif, penyelidikan ini juga mendapati bahawa pelajar antarabangsa mempunyai beberapa inisiatif untuk memudahkan penyesuaian antaranya termasuklah meningkatkan kecekapan berbahasa, pengurusan masa dan pergaulan dengan individu lain. Justeru, kajian telah memperlihatkan bahawa terdapat kesalinghubungan di antara

DOI: 10.35631/IJEPC.641010

This work is licensed under CC BY 4.0



indikator sosial tersebut dengan pencapaian akademik para pelajar antarabangsa.

Kata Kunci:

Sosial, Penguasaan Bahasa, Prestasi Akademik, Pelajar Antarabangsa

Abstract:

This study explores the social indicators that affect the learning experience of international students for language proficiency as well as its relationship with academic performance in higher learning institutions. A total of 20 respondents consisting of international students from various nationalities were interviewed to obtain the required data. The study found that language proficiency was a major barrier to academic and social adjustment of international students with several other academic indicators such as classroom activities, assessment methods, and systems as well as longing and loneliness have influenced their academic performance. Using a qualitative method, this research also found that international students have several initiatives to facilitate adaptation including improving language proficiency, time management, and interaction with other individuals. Thus, studies have shown that there is a correlation between these social indicators with the academic achievement of international students.

Keywords:

Social, Language Proficiency, Academic Achievement, International Students

Pengenalan

Pendidikan antarabangsa merupakan suatu pengalaman yang menarik dan memberikan peluang kepada pelajar antarabangsa untuk memperolehi nilai dan faedah hidup yang bermakna. Walau bagaimanapun, kajian lepas menunjukkan bahawa seseorang pelajar antarabangsa menghadapi perbezaan pengalaman dan budaya di antara negara asal mereka dengan negara destinasi di mana mereka melanjutkan pelajaran dan mengakibatkan kesan yang besar dalam pembelajaran mereka termasuklah penguasaan bahasa (Othman, Mohd Shah, Yusoff, Esa, Ationg, Ramlie & Abdul Rahman, 2021a).

Penguasaan bahasa pula melibatkan banyak faktor yang secara tidak langsung mempengaruhi proses pembelajaran pelajar antarabangsa di negara destinasi sama ada secara positif dan sebaliknya. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti faktor sosial memberi kesan kepada penguasaan bahasa dan impaknya terhadap pencapaian akademik pelajar antarabangsa di Universiti Malaysia Sabah. Hasil penyelidikan ini diharapkan mampu memberi pengetahuan dan kefahaman yang lebih terhadap keperluan merancang pelan pendidikan yang lebih baik khususnya kepada pelajar antarabangsa bagi mencapai prestasi akademik yang cemerlang.

Sorotan Literatur

Isu Bahasa yang Mempengaruhi Pelajar Antarabangsa

Mempelajari bahasa bukan ibunda adalah satu kesukaran utama yang dihadapi oleh pelajar antarabangsa. Menurut sarjana Othman, Yusoff, Abdul Hamid, Jupiter & Awang, (2018a) dan Althobaiti & Obeidat (2020), penguasaan bahasa adalah faktor asas yang dapat meningkatkan pencapaian akademik pelajar dan penyesuaian budaya mereka di tempat baharu. Pandangan ini juga turut disokong oleh sarjana Aydin (2020) yang berhujah bahawa faktor utama yang mempengaruhi prestasi akademik pelajar antarabangsa adalah merupakan korelasi di antara pencapaian akademik dan penguasaan bahasa. Manakala, berdasarkan kajian sarjana Boon dan Lewthwaite (2016), kurangnya keyakinan terhadap bahasa pengantar dianggap sebagai satu kekecewaan utama yang mungkin dihadapi oleh pelajar antarabangsa dan hal ini mempengaruhi keterlibatan serta sumbangan mereka di dalam kelas (Othman, Jupiter, Abdul Hamid, Yusoff & Awang, 2018b). Dalam kajian-kajian lepas telah ditemui bahawa terdapat pelbagai aspek halangan terhadap bahasa akademik yang dialami oleh pelajar antarabangsa (Robertson, Line, Jones, & Thomas, 2000; Shin, 2011; Wong, 2004; Wu, 2011; Othman, Yusoff, Mohd Shah, Mokhtar, Abang Muis, Marinsah & Marzuki, 2021b). Sarjana Wu (2011) mengatakan bahawa pelajar-pelajar antarabangsa yang menuntut di universiti luar negara menghadapi masalah dalam penulisan kerja, ujian, penggunaan bahasa, kefahaman bahasa kedua, pengambilan nota, pembentangan dan penyertaan dalam perbincangan kelas. Selain itu, Bifuh-Ambe (2009) merumuskan kesukaran utama yang dihadapi oleh pelajar antarabangsa kepada empat domain utama iaitu: bahasa penerimaan dan ekspresif, bahasa penulisan seperti tugas dan nota, pemahaman teks dan metod pengajaran dan penilaian akademik di negara destinasi.

Halangan bahasa juga mempengaruhi pelajar antarabangsa dalam penetapan sosial kerana ia menyumbang kepada penyesuaian sosio-budaya mereka (Othman, Esa, Ationg, Ibrahim, Lukin & Abdul Hamid, 2021c). Selain daripada bahasa akademik, pelajar antarabangsa juga perlu mempelajari bahasa sosial. Kecekapan berbahasa dalam konteks akademik, bukan akademik, konteks tidak formal amat diperlukan kerana sesetengah pelajar antarabangsa berjaya meningkatkan pencapaian akademik mereka apabila mempunyai tahap penguasaan bahasa yang mencukupi (Aydin, 2020). Sarjana Trice (2007) mengaitkan pengasingan diri pelajar antarabangsa daripada masyarakat tempatan disebabkan kelemahan kemahiran berbahasa dan bertutur (Othman, Ationg, Esa, Hajimin & Abang Muis, 2021d). Tambahan pula, kelemahan sosial turut mempengaruhi kegiatan dan penglibatan pelajar antarabangsa di dalam kelas (Othman, Awang, Yusoff & Jupiter, 2017). Hujah ini disokong oleh sarjana Straker (2016) yang mengatakan, salah satu kesukaran yang dihadapi oleh pelajar antarabangsa adalah untuk memahami bahasa sehari-hari, simpulan bahasa, bahasa pergaularan yang digunakan oleh pensyarah mereka.

Isu Budaya yang Mempengaruhi Pelajar Antarabangsa

Selain daripada kecekapan bahasa, pelajar antarabangsa juga perlu melengkapinya dengan kecekapan budaya. Hal ini kerana perbezaan budaya memberi impak maksima terhadap kehidupan akademik dan sosial pelajar antarabangsa (Othman, Yusoff, Ationg, Esa & Mohd Shah, 2020a). Sarjana Borland dan Pearce (2002) melaporkan bahawa pelajar antarabangsa yang kurang kecekapan budaya tidak berupaya mencapai kejayaan dalam akademik dan

penetapan sosial. Salah satu aspek perbezaan budaya yang ditemui adalah berkaitan dengan cara pembelajaran dan teknik pengajaran telah menghalang proses adaptasi pelajar antarabangsa di persekitaran akademik yang baharu. Dalam konteks akademik, kurangnya pemahaman dan kesedaran tentang pendekatan pembelajaran di negara destinasi mengakibatkan cabaran besar dalam kalangan pelajar antarabangsa (Borland & Pearce 2002, Shin 2011).

Tambahan pula, kesunyian yang dialami oleh pelajar antarabangsa semasa berada di negara destinasi pengajian juga telah dilaporkan sebagai satu masalah yang paling kerap berlaku dan secara langsung mempengaruhi penyesuaian pelajar antarabangsa (Othman, Yusoff, Marinsah, Mokhtar, Ramlie & Mohd Shah, 2020b). Sarjana Sawir et al (2008) menyatakan bahawa kesunyian budaya bermaksud perasaan jauh daripada persekitaran yang biasa. Manakala, sarjana Miglioni et al (2015) mengatakan bahawa mereka yang memisahkan diri dari budaya baru lebih cenderung mengalami tahap tekanan budaya yang tinggi.

Adaptasi Budaya Baru

Selaras dengan usaha mencapai matlamat, pelajar antarabangsa perlu mengatasi cabaran bahasa dan budaya serta mencuba untuk menyesuaikan diri dengan persekitaran budaya baharu itu (Othman, 2019). Penyelidikan terdahulu turut mendapati bahawa pelajar antarabangsa secara umumnya mengambil pendekatan positif bagi menangani semua kesukaran yang dihadapi (Akhtar, Pratt & Shan (2015). Umur juga dikemukakan untuk memberi kesan pada proses penyesuaian. Sarjana Sumer, Poyrazli, dan Grahame (2008) melaporkan bahawa pelajar yang lebih muda menyesuaikan diri dengan budaya baru lebih senang, berbanding pelajar yang lebih tua. Walau bagaimanapun, kajian oleh Yan dan Berliner (2011) mendedahkan bahawa pelajar yang lebih muda lebih cenderung mengalami kesukaran budaya. Hofmann (2010) dan Othman, Yusoff, Abdul Hamid, Awang & Jupiter, (2018c) mendapati bahawa sarjana muda pelajar mengalami tahap kesukaran bahasa dan budaya yang lebih tinggi tekanan. Juga didapati bahawa responden yang tinggal di negara tuan rumah untuk dua tahun lebih banyak tekanan budaya daripada mereka yang tinggal lebih lama atau jangka masa yang lebih pendek.

Metod Kajian

Kaedah penyelidikan utama yang dipilih dalam kajian ini adalah kaedah kualitatif yang melibatkan pendekatan temu bual dan data hasil daripada temu bual tersebut disokong menggunakan analisis deskriptif melalui pendekatan soal selidik. kaedah penyelidikan kualitatif ini merujuk kepada kajian yang dijalankan menggunakan pemerhatian yang teliti. kaedah ini tidak memerlukan bilangan responden yang banyak tetapi memperolehi maklumat yang berkualiti dengan memfokuskan sampel yang kecil dalam satu kumpulan. Satu sesi temu bual semi struktur dijalankan bersama 20 orang responden bagi mendapatkan maklumat pengalaman akademik peribadi pelajar-pelajar antarabangsa yang menuntut di Universiti Malaysia Sabah.

Jadual 1: Latar Belakang Responden

Kriteria	Jumlah & Peratus	
Jantina	L	7
	P	13
Umur	18-23	10
	24-26	6
	<27	4
Tahap Pendidikan	Prasiswazah	16
	Pascasiswazah	4
Tempoh berada di negara destinasi (Tahun)	<2	8
	2-4	10
	4<	2

Jadual 2: Faktor Dan Strategi Yang Dikaji

Faktor bahasa	1. Pengambilan nota; 2. Penglibatan dalam perbincangan kelas; 3. Pembacaan teks/artikel; 4. Penulisan tugas; 5. Ujian; 6. Pemahaman kuliah; 7. Bertutur dalam tutorial dan seminar; 8. Pemahaman soalan; 9. Penulisan laporan
Faktor budaya	<p>Faktor akademik:</p> 1. Pengurusan kelas dan aktiviti; 2. Jenis penilaian; 3. Kesediaan sumber dan kemudahan; 4. Percampuran jantina dalam kelas; 5. Perhubungan dengan pensyarah; 6. Peranan pensyarah di dalam kelas; dan 7. Peranan pelajar antarabangsa
	<p>Faktor sosial:</p> 1. Kesunyian; 2. Rindu rumah; 3. Pergaulan dengan individu berlainan budaya; 4. Diskriminasi; 5. Makanan; 6. Klimat
Strategi mengatasi	1. Meningkatkan penguasaan bahasa; 2. Menambah rakan daripada budaya berlainan; 3. Pengurusan Masa; 4. Penyertaan dalam aktiviti yang berbeza; 5. Meningkatkan pengetahuan tentang budaya baharu; 6. Membina hubungan yang baik dengan penasihat akademik; 7. Meminta bantuan daripada orang lain; 8. Belajar dalam kumpulan; 9. Menggunakan sumber yang ada.

Hasil Kajian

Data yang diperolehi telah dikategorikan kepada tiga tema utama iaitu: cabaran bahasa, cabaran budaya dan strategi mengatasi.

Cabaran Bahasa

Responden memberi indikasi bahawa mereka menghadapi kesukaran dalam penguasaan bahasa kedua dan bahasa tempatan di negara destinasi. Kesukaran yang dimaksudkan adalah berkaitan dengan bahasa ekspresif secara lisan dan juga penulisan bahasa. Responden 12 mengatakan seperti berikut:

“Saya kadang-kadang merasa seperti saya tidak dapat menyampaikan idea saya dengan cukup terutamanya dalam aktiviti praktikal, ujian dan pembentangan lisan”

Terdapat juga responden yang menyatakan kesukaran yang dihadapi adalah dari segi penerimaan bahasa semasa membaca teks ataupun artikel. Responden 3 berkata:

“saya masih menghadapi beberapa kesukaran untuk memahami terminogi saintifik dan beberapa perkataan ilmiah sehingga saya menghabiskan masa satu jam untuk membaca tiga halaman dalam satu bab”

Cabaran Budaya

Kesukaran yang dialami oleh pelajar antarabangsa yang berkaitan dengan faktor budaya dikategorikan kepada dua sub-faktor iaitu cabaran akademik dan cabaran sosial.

Cabaran Akademik

Responden menunjukkan bahawa mereka berhadapan dengan beberapa masalah akademik melalui cara penilaian terutamanya dalam ujian dan pembentangan lisan. Responden 10 berkata,

“Bagi saya, perkara paling sukar adalah untuk menjawab soalan jenis aneka pilihan jawapan yang banyak dan mengelirukan dalam ujian pertengahan semester. Saya perlu memahami keseluruhan buku teks”

Sebilangan besar responden mengaitkan kesukaran mereka dengan faktor akademik apabila mereka membandingkan pengalaman pembelajaran mereka yang terdahulu dengan pengalaman pembelajaran masa kini. Perbezaan pembelajaran di negara asal dan pembelajaran di negara destinasi menimbulkan beberapa cabaran akademik dari segi aktiviti dalam kelas. Responden 20 berkata bahawa,

“Mereka lebih fokus kepada aktiviti praktikal disini berbanding teori tetapi di negara saya, teori yang lebih diberi tumpuan berbanding dengan praktikal. Di sini ada kelas yang dipanggil “tutorial” tetapi di negara asal saya, kami hanya perlu mendengar dan menghadiri kuliah”

Cabaran Sosial

Tidak kurang juga responden yang menyatakan bahawa mereka mengalami cabaran sosial terutamanya merasa kesunyian dan rindu akan rumah. Beberapa pernyataan yang dibuat seperti,

“Saya rindu dengan keluarga saya; saya rindu ibu saya dan semuanya.”

“Kadang-kala saya merasa sangat sunyi kerana di sini mereka mempunyai cara hidup yang berbeza dan saya tidak boleh menjadi seperti mereka disebabkan perbezaan agama dan cara berfikir.

Dapatan temu bual menunjukkan bahawa kebanyakkan responden menghadapi tekanan budaya pada awal pengajian dan seterusnya mereka mampu beradaptasi dengan budaya baharu di situ. Responden 7 menyatakan,

“Pada mulanya, saya menghadapi homesick tetapi selepas 2 hingga 3 bulan saya dapat menyesuaikan diri dengan persekitaran di sini”

Respons yang didapati menerusi temu bual menunjukkan bahawa tidak ada kesukaran yang dihadapi dalam pergaulan dengan orang lain sekiranya responden mempunyai tahap penguasaan bahasa yang baik. Seorang responden menerangkan seperti berikut:

“Pada awalnya, saya menghadapi kesukaran dengan bahasa kerana tahap penguasaan bahasa saya sangat rendah untuk berkomunikasi dengan masyarakat tempatan. Namun, dengan peningkatan kemahiran bahasa, akhirnya ia menjadi bagus.”

Strategi Mengatasi

Peningkatan tahap penguasaan bahasa dilihat sebagai satu strategi yang sangat membantu kepada pelajar antarabangsa untuk mencapai prestasi akademik yang lebih baik dan berhadapan dengan budaya baharu. Responden 8 menyatakan bahawa,

“Aspek paling penting untuk meningkatkan prestasi pembelajaran adalah melalui penguasaan bahasa. Setelah saya menguasai bahasa tersebut untuk berkomunikasi, saya dapat berkomunikasi lebih mudah dan senang dengan orang di sekeliling saya, Saya tidak merasa terasing dan tiada halangan untuk saya mencapai kejayaan”

Responden telah mengenalpasti beberapa strategi yang dapat membantu mereka untuk menyesuaikan diri dengan budaya baharu sama ada secara akademik dan sosial dengan menggunakan sumber yang ada, menyambut perayaan dan bergaul dengan masyarakat berlainan budaya.

Perbincangan

Data yang diperolehi dalam kajian ini memberi indikasi bahawa pelajar antarabangsa di Universiti Malaysia Sabah menghadapi masalah terutamanya dalam bahasa espresif dan penulisan. Responden juga menyatakan bahawa mereka menggunakan masa yang lebih untuk menyiapkan tugas yang diberi disebabkan tahap kecekapan bahasa yang rendah. Penemuan dalam kajian ini adalah sejajar dengan penemuan kajian lepas berkaitan dengan pelajar antarabangsa secara khusus. Sarjana Stoyanoff (1997) mendapatkan bahawa terhadap

kesalinghubungan di antara pencapaian akademik pelajar antarabangsa dengan penguasaan bahasa mereka.

Bagi faktor budaya, hasil kajian menunjukkan bahawa responden tidak mempunyai tahap kesukaran yang tinggi. Namun begitu, tahap kesukaran cabaran sosial ada lebih besar impaknya berbanding cabaran akademik. Kesukaran akademik yang dialami yakni cara penilaian dan aktiviti di dalam kelas. Ujian dan pembentangan dilaporkan sebagai jenis penilaian yang paling susah. Seterusnya bagi faktor sosial, kajian mendapati bahawa responden mengalami tekanan budaya pada awal semester. Turut dikenalpasti bahawa kesunyian, kerinduan kepada tempat asal dan diskriminasi menjadi faktor masalah utama yang dihadapi oleh responden.

Dalam pada itu, strategi untuk mengatasi masalah ini adalah melalui inisiatif meningkatkan penguasaan bahasa yang sekali gus membantu responden untuk menyesuaikan diri dengan budaya baharu dengan lebih mudah. Selain itu, pengurusan masa, menggunakan sumber yang ada, dan meraikan budaya tertentu juga merupakan strategi berguna yang telah dilaksanakan oleh sebahagian responden. Ia juga terbukti bahawa pelajar antarabangsa berusaha untuk bergaul dengan orang lain dengan budaya yang berbeza atau dengan orang dari budaya yang sama. Kedua-dua strategi ini mempunyai kelebihannya. Mempunyai rakan dari pelbagai budaya boleh membantu dalam memahami budaya lain, yang secara tidak langsung memudahkan proses penyesuaian. Sebaliknya, mempunyai rakan dari budaya yang sama membantu responden memperoleh sokongan sosial, dapat mengurangkan kesan tekanan budaya seperti rindu dan kesunyian. Strategi mengatasi ini juga diketengahkan dalam penyelidikan sebelumnya

Kesimpulan

Kompetensi bahasa pelajar antarabangsa terutamanya dalam bahasa ekspresif dan penulisan memainkan peranan penting dalam proses penyesuaian akademik dan sosial. Prestasi akademik pelajar antarabangsa terjejas terutamanya oleh dalam kelas dan kaedah penilaian yang memerlukan penggunaan praktikal bahasa seperti perbincangan tutorial dan pembentangan lisan. Dari segi sosial, pelajar antarabangsa banyak dipengaruhi oleh faktor budaya seperti rindu, kesunyian dan diskriminasi. Justeru itu, para pelajar antarabangsa menyelesaikan masalah ini dengan usaha meningkatkan kemahiran berbahasa serta kemahiran belajar (pengurusan masa atau dengan mencuba kemahiran sosio-budaya (bercampur dengan orang yang lain). Walaupun terdapat perbezaan yang signifikan berdasarkan tahap kesukaran bahasa yang dialami mengikut usia, tetapi tidak ada perbezaan yang signifikan didapati bagi faktor-faktor lain. Kajian ini mempunyai sejumlah implikasi dan diharapkan dapat mengukuhkan kepentingan mempunyai tahap penguasaan bahasa yang tinggi serta kecekapan budaya, kesedaran mengenai perlunya diwujudkan pendekatan pendidikan yang berbeza untuk menghadapi cabaran kesukaran sosio-budaya. Bagi pihak penaja dan penyedia pendidikan, hasil kajian ini menunjukkan kepentingan program orientasi untuk pelajar antarabangsa masa depan sebelum datang ke universiti mengenai kehidupan dan fokus kepada perbezaan utama dalam sistem pendidikan dan pendekatan pembelajaran / pengajaran. Implikasi lebih lanjut adalah berkaitan tentang aktiviti sosial yang berkesan untuk menyesuaikan pelajar antarabangsa dengan budaya baharu. Penyelidikan lebih lanjut diperlukan untuk mengetahui bidang kesukaran tertentu merangkumi aspek bahasa,

akademik, budaya, serta cara membantu pelajar antarabangsa menyesuaikan diri dengan persekitaran baru.

References

- Athobaiti, S. S. & Obeidat B.F (2020). Examining Intercultural Experiences Of Saudi Students Participation In Experiential Learning Programs At American Universities. *Humanities & Social Sciences* Vol.8 No 1, 415-425
- Aydin, O. (2020). Social Interaction Between Students: Local and International Students' Experiences at a Turkish University. *Journal of International Students*, 10(2), 383–400.
- Akhtar, N., Pratt C. B, Shan Bo (2015). Factors in the cross-cultural adaptation of African students in Chinese universities. *Journal of Research in International Education* Vol 14(2), 98-113.
- Borland, H. & Pearce, A. (2002). Identifying key dimensions of language and cultural disadvantage at university. *Australian Review of Applied Linguistics*, 25(2), 101–127
- Boon, H. J & Lewthwaite, B.E (2016). Signatures of Quality Teaching for Indigenous Students. *The Australian Educational Researcher* 43, 453-471
- Bifuh-Ambe, E. (2009). Literacy skills acquisition and use: A study of an English language learner in a U.S. university context. *Adult Basic Education and Literacy Journal*, 3(1), 24–33.
- El-Omari, A.H (2016). Factors Affecting Students' Achievement in English Language Learning. *Journal of Educational and Social Research*, Vol.6 No 2
- Hofmann, P. N. (2010). Examining Factors of Acculturative Stress on International Students as They Affect Utilization of Campus-Based Health and Counseling Services at Four-Year Public Universities in Ohio. *Bowling Green State University*.
- Migliorini, L., Rania N., Cardinali P. (2015). Intercultural Learning Context and Acculturation Strategies. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, Vol 171, 374-381.
- Othman, I. W., Mohd Shah, M. K., Yusoff, M. S., Esa, M. S., Ationg, R., Ramlie, H., & Abdul Rahman, M. H. (2021a). Elemen Transformatif dan Akulturasi Diri dari Pengalaman Tahun Pertama Pengajian di Universiti Awam Malaysia Sebagai Wasilah Prestasi Pencapaian Akademik Pelajar Antarabangsa. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 6(39), 29-55.
- Othman, I. W., Yusoff, M. S., Mohd Shah, M. K., Mokhtar, S., Abang Muis, A. M. R., Marinsah, S. A., & Marzuki, M. (2021b). Signifikasi Keunikan Diversiti Budaya Masyarakat Majmuk Disulami Keharmonian, Disantuni Perpaduan Sebagai Nilai Tambah Kepercayaan Keluarga dan Pemangkin Diaspora Pelajar Antarabangsa Melanjutkan Pengajian Ke Malaysia. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 6(39), 01-28.
- Othman, I. W., Esa, M. S., Ationg, R., Ibrahim, M. A., Lukin, S. A., & Abdul Hamid, J. (2021c). Visibiliti Integrasi Sistem Infrastruktur Dan Kesalinghubungan Keber tanggungjawaban Universiti Dalam Konteks Menjana Kelestarian Persekutaran Pembelajaran Kondusif Kampus Bertaraf Antarabangsa. *International Journal of Law, Government and Communication*, 6(23), 23-41.
- Othman, I. W., Ationg, R., Esa, M. S., Hajimin, M. N. H. H., & Abang Muis, A. M. R.

(2021d). Signifikasi Prinsip Hidup Merujuk Keterkaitan Agama, Budaya, Amalan Kepercayaan dan Wawasan Dunia Secara Keseluruhan (Worldview): Motif Ekspatriasi Ahli Akademik Islam dalam Membina Kerjaya di Malaysia. *International Journal of Law, Government and Communication*, 6(23), 85-103.

Othman, I. W., Yusoff, M. S., Ationg, R., Esa, M. S., & Mohd Shah, M. K. (2020a). The influence of culture and family towards the decision to pursue study abroad: a case study of Malaysian public universities. *PalArch's Journal of Archaeology of Egypt/Egyptology*, 17(6):10688-10714.

Othman, I. W., Yusoff, M. S., Marinsah, S. A., Mokhtar, S., Ramlie, H. A., & Mohd Shah, M. K. (2020b). Strategi Akulturasi Dan Hasil Pembudayaan Berbeza Dalam Kalangan Pelajar Antarabangsa Universiti Awam Malaysia, *Journal of Tourism, Hospitality and Environment Management*, 5 (21): 123-142.

Othman, I. W. (2019). Identiti Budaya dan Semangat Patriotisma Negara Asal dalam Pengekalan Akademik Eskpatriat di Universiti Awam Malaysia. *International Journal of Law, Government and Communication*, 4(17): 144-158.

Othman, I. W., Yusoff, M. S., Abdul Hamid, A. B., Jupiter, H., & Awang, H. (2018a). Benefiting the Experience of International Students: Principles and Policies of Internationalisation of Universiti Malaysia Sabah. *International Journal of Education, Psychology and Counselling*, 3(9):68-79.

Othman, I. W., Jupiter, H., Abdul Hamid, A. B., Yusoff, M. S., & Awang, H. (2018b). Faktor Sosial Yang Mempengaruhi Keputusan Pelajar Antarabangsa Dalam Pemilihan Destinasi Pengajian: Kajian Kes Di Universiti Malaysia Sabah (UMS). *Journal of Islamic, Social, Economics and Development*, 3(8):87-97.

Othman, I.W., Yusoff, M.S., Abdul Hamid, A.B., Awang, H., & Jupiter, H. (2018c). Implikasi Ekspatriasi Pelajar Antarabangsa ke atas Peningkatan Aspek Kualiti Hidup di Negara Tuan Rumah. *International Journal of Law, Government and Communication*, 3(7), 40-52.

Othman, I. W., Awang, H., Yusoff, M. S., & Jupiter, H. (2017). Pengaruh Sosiobudaya Dalam Kalangan Pelajar Antarabangsa Di Universiti Malaysia Sabah *Journal of Information System and Technology Managemen*, 2(3):01-06.

Robertson, M., Line, M., Jones, S., & Thomas, S. (2000). International students, learning environments and perceptions: A case study using the Delphi technique. *Higher Education Research and Development*, 19(1), 89–102.

Sawir, E., Marginson, S., Deumert, A., Nyland, C., & Ramia, G. (2008). Loneliness and international students: An Australian study. *Journal of Studies in International Education*, 12(2), 148–180.

Straker, J (2016). International Student Participation in Higher Education: Changing the Focus From “International Students” to “Participation”. *Journal of Studies in International Education*. Vol. 20 No 4, 299-318

Stoytsoff, S. (1997). Factors associated with international students' academic achievement. *Journal of instructional Psychology*, 24(1), 56–68.

Shin, S.-C. (2011). Cross-Cultural Factors Affecting Korean Students' Study at Australian Universities. *Korean Studies in Journal of International Students*, 7(1) 2017 - 71 - Shift-Proceedings of the 2010 Pacific-Asia Conference on Korean Studies, University of Auckland

- Sumer, S., Poyrazli, S., & Grahame, K. (2008). Predictors of depression and anxiety among international students. *Journal of Counseling and Development*, 86(4), 429–437.
- Trice, A. G. (2007). Faculty perspectives regarding graduate international students' isolation from host national students. *International Education Journal*, 8(1), 108–117.
- Wong, J. K. (2004). Are the learning styles of Asian internationals culturally or contextually based? *International Education Journal*, 4(4), 154– 166
- Wu, I. J. (2011). Learning strategies use by international students from Taiwan in a university context: A case study, *California State University, Chico*.
- Yan, K., & Berliner, D. (2011). An examination of individual level factors in stress and coping processes: Perspectives of Chinese international students in the United States. *Journal of College Student Development*, 52(5), 523–542.